

MAKLUMBALAS TINDAKAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN (OFI)							
AUDIT PENSIJILAN SEMULA							
SISTEM PENGURUSAN KUALITI (QMS) ISO 9001:2015							
(14-23 OKTOBER 2024)							
Bilangan Peluang Penambahbaikan (OFI) = 20							
NO. OFI	KLAUSA	PENYATAAN OFI	PTJ TERLIBAT / LOKASI AUDIT / PENERAJU	MAKLUM BALAS TINDAKAN	TARIKH TINDAKAN	SENARAI DOKUMEN SOKONGAN (BUKTI TINDAKAN)	STATUS
OFI-1	10.1	Penambahbaikan Punca ketidakcapaian piagam pelanggan dan tindakan pembetulan dari peneraju proses sokongan ada dilaporkan semasa MKSP. Namun begitu, audit mendapati terdapat, tindakan pembetulan yang belum dikenalpasti iaitu bagi piagam pelanggan yang tidak dicapai, yang diterajui Pejabat Penasihat Undang-Undang. sample Piagam Pelanggan 1: Memberikan khidmat nasihat undang- undang secara bertulis dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan dokumen lengkap dari Pusat Tanggungjawab bagi isu undang-undang yang dirujuk.	Pejabat Penasihat Undang-undang	1. Pejabat akan memastikan laporan pencapaian piagam pelanggan secara bulanan dilaporkan dengan menggunakan format Laporan Pencapaian Piagam Pelanggan yang baharu bermula November 2024; 2. Pejabat mencadangkan pindaan kepada Piagam Pelanggan No 1 (penasihatan undang-undang dalam tempoh 30 hari) dan Piagam Pelanggan No. 3 (semakan MoU/MOA dalam tempoh 14 hari) iaitu masing-masing hendaklah mencapai 75% bagi setiap bulan berkuat kuasa Januari 2025; 3. Bermula 1 September 2024, terdapat kekangan pegawai untuk mengendalikan urusan semakan MoU/MOA (Piagam Pelanggan No. 3) di bawah Seksyen Gubalan Korporat kerana pegawai Cik Fatimah Roslan telah meletak jawatan dan pegawai baharu dijangka akan melapor diri pada Januari 2025. Dalam tempoh ini, pegawai sedia ada membantu	11 Mac 2025	1. Emel Pemakluman kepada PSPK berkaitan Pindaan Penyataan Piagam PPUU yang telah dikemasikini. 2. Pindaan Piagam Pelanggan PPUU 2025 3. Cabutan Minit Piagam Pelanggan Bil. 2.2025	Telah dilaksanakan

OFI-2	6.1.2	Tindakan menyatakan risiko dan peluang Organisasi telah merancang tindakan yang baik untuk menangani risiko dan peluang. Namun, semakan audit di PUTRA Science Park mendapati terdapat ruang untuk penambahbaikan dalam senarai risiko yang didaftarkan, khususnya berkaitan risiko yang berpunca daripada isu luaran dan dalaman.	Putra Science Park	Pihak Pengurusan PTJ menetapkan senarai risiko yang sedang berkuatkuasa masih relevan, komprehensif serta selaras dengan konteks strategik dan operasi semasa organisasi.	15 Mei 2025	Catatan Perbincangan Pengurusan	Telah dilaksanakan
OFI-3	7.1.5	Sumber pemantauan dan pengukuran Penyelenggaraan dan kebersihan infrastruktur untuk latihan di bawah Jabatan Pendaftar telah dilaksanakan dengan baik. Namun, semakan audit mendapati ruang untuk penambahbaikan dengan mewujudkan dokumen rekod peralatan di lokasi tertentu bagi memastikan pemantauan keluar masuk dan ketersediaan barang lebih sistematik untuk aktiviti akan datang. Bukti: Dewan Taklimat Serdang dan Foyer Dewan Taklimat Serdang di Zon Abu Bakar As Siddiq	Pejabat Pendaftar	Penambahbaikan ruang telah dibuat dengan mengenal pasti peralatan yang ada di kedua-dua lokasi. Seterusnya PYB akan menyediakan dan memaparkan Senarai Aset Mengikut Lokasi di lokasi berkenaan.	04/11/2024	Senarai aset seperti di lampiran.	Telah dilaksanakan
OFI-4	8.1	Perancangan dan kawalan operasi Pelaporan bagi keseluruhan acara yang telah dilaksanakan boleh ditambah baik dengan menyediakan ruangan bagi tujuan pengesahan dan juga tarikh laporan dikeluarkan supaya pelaksanaannya lebih baik.	Akademi Sukan	Pelaporan keseluruhan acara telah ditambah baik dengan menyediakan ruangan pengesahan dan tarikh laporan. Sampel Pelaporan Keseluruhan Sukan Kolej (SUKPRA). Pengurusan laporan aduan fasiliti sukan yang akan datang akan ditambah baik dengan menyediakan ruangan pengesahan dan tarikh laporan dikeluarkan.	1. Laporan SUKPRA - Jun 2025 2. Laporan Fasiliti 31 Disember 2024	1. Laporan SUKPRA - https://drive.google.com/drive/folders/1hWD-NgtiAlu3MyVrKCrxNIUQ7Mtp8rHB 2. Borang Laporan Kerosakan Fasiliti	Telah dilaksanakan

OFI-5	8.5.1	Kawalan penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan Rubrik bagi penilaian markah kerja kursus atau tugas pelajar telah diwujudkan. Namun, penambahbaikan boleh dilaksanakan dengan menyatakan dengan lebih jelas pemberat pembahagian markah bagi setiap jawapan yang diberikan oleh pelajar.	Fakulti Pertanian	Proses penambahbaikan Rubrik Penilaian Markah Pelajar sedang dilaksanakan oleh Timbalan Dekan (Akademik). 24/03/2025: Penemuan OFI ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Fakulti (JKKF) FP Kali ke-187 (Bil. 2/2025) pada 21 Mac 2025 dan mesyuarat mengesyorkan supaya rubrik penilaian markah kerja kursus dan tugas pelajar yang telah diwujudkan diperhalusi semula di peringkat Jabatan oleh pensyarah	11/07/2025	1. Petikan Minit JKKF 187 (Bil. 2/2025). 2. Dokumen Rubrik Penilaian Markah Pelajar yang baharu, contoh yang telah ditambah: (a) Rubrik Tugas dan Amali. (b) Rubrik Seminar. (c) Rubrik Tugas Kumpulan. (d) Rubrik Disertasi Bachelo. (e) Rubrik Penilaian	Telah dilaksanakan
OFI-6	9.1.2	Kepuasan pelanggan Aduan pelanggan telah dikendalikan dengan baik oleh pihak kolej iaitu menetapkan tempoh penyelesaian dalam 2 hari bekerja. Namun, penambahbaikan boleh dilakukan dengan memastikan sebarang aduan yang melebihi tempoh yang ditetapkan disertakan dengan sebab, agar tindakan susulan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.	Kolej Tun Dr. Ismail (KTDI)	Semua aduan pelanggan yang diterima KTDI telah ditambahbaik dengan memastikan setiap status baik pulih aduan disertakan dengan ulasan agar pelaporan dan tindakan susulan dapat dilaksanakan dengan lebih baik. Hebahan kepada Pembantu Kemahiran mengenai pengendalian aduan pelanggan diberikan melalui e-	19/11/2024	Laporan yang dijana melalui Sistem eKolej	Telah dilaksanakan
OFI-7	8.5.1	1. Pengendalian Latihan Industri telah pun dilaksanakan dengan berkesan. Walaubagaimanapun rubrik penilaian yang jelas boleh dikenalpasti bagi komponen penilaian laporan LI (10%).	Fakulti Sains dan Teknologi Makanan	Sediakan Garis Panduan untuk penyediaan rubrik penilaian dan pecahan markah	Semester 2, 2024/2025	1. Borang Penilaian (Rubrik LI) 2. Contoh Laporan LI	Telah dilaksanakan

		2. Keperluan prasyarat boleh ditentukan dengan jelas. Didapati subjek FMO4902 telah pun dijalankan pada semester ke-7 tanpa memenuhi prasyarat FMO4901.	Fakulti Sains dan Teknologi Makanan	menentukan KOD kursus dan menggugurkan keperluan prasyarat FMO4901 di dalam Semakan Kurikulum yang sedang dilaksanakan bagi mengelakkan kekeliruan. Pihak fakulti akan mencadangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Universiti.	Disember 2024	Rangka Kursus: FMO4902 FMO4959 FMO4901	Telah dilaksanakan
		3. Borang Penilaian Industri yang dihantar oleh pihak industri boleh dicop dengan jelas.	Fakulti Sains dan Teknologi Makanan	Masukkan kenyataan dalam Garis Panduan dan akan disemak oleh Penyelaras/Unit Latihan Industri (LI) fakulti	Semester 2, 2024/2025	Borang yang telah dicop	Telah dilaksanakan
OFI-8	7.5.3	Kawalan maklumat didokumentasikan Kehadiran bagi setiap sesi latihan direkodkan melalui sistem Putra Presence. Walau bagaimanapun, aktiviti pengesahan kehadiran yang dijana oleh sistem tersebut bolehlah dipaparkan.	Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB)	Kehadiran bagi setiap sesi latihan yang direkodkan melalui sistem Putra Presence telah disahkan dan ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab.	Oktober 2024	Borang kehadiran latihan yang telah dicop dan disahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab	Telah dilaksanakan
OFI-9	7.1.3	Prasarana Fasiliti bagi kegunaan tenaga pengajar dan pelajar seperti makmal komputer and perpustakaan telah dilengkapi dengan peti pertolongan cemas. Namun begitu, pihak UPMKB bolehlah mempamerkan aktiviti semakan ke atas barangan di dalam peti pertolongan cemas tersebut.	Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB)	Memo bagi pemantauan peti pertolongan cemas di setiap makmal dan semua entiti pejabat di UPMKB telah dilaksanakan dan senarai terkini peti pertolongan cemas di setiap makmal dan pejabat entiti di UPMKB dalam proses kemaskini oleh Bahagian OSH, UPMKB. Senarai semak juga telah diwujudkan untuk kegunaan pegawai yang bertanggungjawab menguruskan peti pertolongan cemas di setiap	Oktober 2024	1. Memo Pembelian Peti Pertolongan Cemas dan Program Pemantauan Peti Pertolongan Cemas di UPMKB. 2. Senarai Semak Peti Pertolongan Cemas 3. Senarai Peti Pertolongan Cemas di UPMKB	Telah dilaksanakan

OFI-10	7.1.3	Prasarana - Pusat Pertanian Putra Semasa audit di bengkel kejuruteraan, didapati banyak kerosakan kenderaan yang telah direkodkan dalam borang kerosakan / penyelenggaraan kenderaan (sejak Mac, April) yang masih belum dapat diperbaiki. Ini boleh menyebabkan operasi pertanian tergendala. Di ladang ternakan haiwan (lembu) , pagar 'english fencing' dan 'cyclone fencing' boleh diperbaiki untuk mengelakkan dari dicerobohi binatang-binatang liar	Pusat Pertanian Putra	Membuat permohonan peruntukan kontigensi untuk baiki traktor dan mesin supaya operasi harian tidak terganggu dan membaiki dan mengganti pagar ternakan untuk tahun 2025 secara berfasa.	1. Status pembaikan Mac April telah selesai atau belum 2. Permohonan perbelanjaan untuk 2025	1. Kertas Cadangan Permohonan Peruntukan Khas Penyelenggaraan Ladang 2. Petikan Minit Kelulusan Kertas Cadangan	Telah dilaksanakan
OFI-11	8.5.1	Kawalan pemberian perkhidmatan - Pusat Pertanian Putra Penggunaan minyak diesel telah direkodkan dalam borang keluar/masuk jumlah diesel, walaubagaimanapun, pengrekodan penggunaan keluar diesel, masih belum jelas direkodkan pada borang tersebut	Pusat Pertanian Putra	Mengadakan taklimat kepada semua pengguna dan melantik PIC untuk pengambilan diesel dan penggunaan log pengambilan minyak diesel.	Januari 2025	1. Jemputan Taklimat Pengendalian Traktor Eurostar pada 12 Disember 2024 2. Senarai Kehadiran Taklimat	Telah dilaksanakan
OFI-12	7.5	Dokumentasi - Institut Penyelidikan dan Produk Halal Salinan keputusan 'Turnitin' tesis pelajar-pelajar pasca siswazah dan Progress report (GS 11) boleh juga disimpan dalam fail pelajar-pelajar tersebut bagi tujuan simpanan rekod	Institut Penyelidikan dan Produk Halal	Salinan keputusan Turnitin akan dikemaskini dan dimasukkan ke dalam fail pelajar yang aktif. Bagi salinan Laporan Kemajuan (GS11) tiada keperluan untuk menyimpan salinan keras di dalam fail dan hanya perlu dirujuk di dalam sistem yang telah dibangunkan dimana semua proses penilaian juga dilaksanakan di dalam sistem tersebut.	Semester 2 2024/2025	Fail yang telah dikemaskini dengan memasukkan laporan Turnitin https://docs.google.com/document/d/1XVhIP3wmzOvmJzs2PYSDicv_eAw7anvh/edit?usp=sharing&ouid=117117340705937804347&rtpof=	Telah dilaksanakan

OFI-13	8.5.1	Kawalan penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan Proses kerja berkaitan pelantikan penilai ketiga bagi pemarkahan laporan disertasi/projek fyp telah dilaksanakan dengan baik. Namun penambahbaikan boleh dilakukan dengan pembangunan garis panduan bagi proses berkenaan agar pelaksanaannya lebih selaras.	Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul (FBSB)	Garis Panduan Pelantikan Penilai Ketiga bagi Pemarkahan Pembentangan Projek Disertasi telah dibangunkan pada 12 Disember 2024 dan telah dihebahkan kepada semua pensyarah melalui emel dan Mesyuarat Fakulti pada 13 Disember 2024	12 Disember 2024	1. Garis panduan 2. Emel hebahan kepada semua pensyarah & dibentangkan dalam Laporan Pejabat TDA & HEPA pada Mesyuarat Fakulti ke-112 (Bil. 4/2024) Universiti Putra Malaysia	Telah dilaksanakan
OFI-14	8.5.2	Pengenalpastian dan kebolehesanan Makmal Eco-RemTech telah menjalankan pemantauan terhadap penggunaan mesin makmal oleh pelajar seperti incubator shaker bagi tujuan penyelidikan melalui system QR code. Namun, penambahbaikan boleh dilakukan dengan meletakkan notis/nota pemberitahuan yang lengkap (termasuk nama pelajar, tarikh, masa penggunaan dan lain-lain) semasa penggunaan mesin makmal tersebut bagi mengelakkan proses penyelidikan terganggu atau kerosakan pada sampel atau bahan penyelidikan.	Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul (FBSB)	Nota pemberitahuan telah diwujudkan dan digunapakai bagi setiap penggunaan mesin makmal jabatan oleh pelajar.	Nota pemberitahuan penggunaan mesin telah dikuatkuasa kepada pelajar bermula tarikh 13/11/2024	Gambar penggunaan notis sebagai rujukan.	Telah dilaksanakan

OFI-15	6.1	PERANCANGAN / TINDAKAN MENYATAKAN RISIKO DAN PELUANG Daftar risiko dan peluang organisasi dikaji semula dua kali setahun yakni pada bulan Jun dan Disember. Daftar risiko dan peluang yang sedia ada masa kini boleh ditambah baik ketika dikaji semula dengan :- • mengambil kira risiko penempatan felo lelaki di blok kediaman perempuan dan felo wanita di blok asrama lelaki (Kolej Sultan Alaeddin Sulaiman Shah), serta	Kolej Sultan Alaeddin Sulaiman Shah	Mesyuarat mengambil maklum Mesyuarat Khas Pengetua bersama semua Felo pada 18 November 2024 telah membincangkan agenda penempatan semula felo di setiap blok. Penempatan felo telah disusun semula mengikut jantina. Mesyuarat mencadangkan setiap felo perlu menghadiri kursus berkaitan risiko gangguan seksual dan kesedaran berkaitan hal ini. Mesyuarat mengambil maklum keperluan mendaftarkan isu ini dalam daftar risiko bagi tahun 2025. Hebahan mengenai kesedaran kelakuan gangguan seksual dan cara membuat laporan bagi pelajar diberikan melalui e-mel dan dihebahkan kepada pelajar yang menginap di blok.	18 November 2024	1) Petikan Mesyuarat Khas Pengetua bersama Felo. https://drive.google.com/file/d/15MIKcpthZDjPDlrYXcBSn7cFvogVr30/view?usp=drive_link 2) Surat jemputan ke Kursus Risiko Gangguan Seksual yang akan diadakan pada 15 April 2025 (Selasa). https://drive.google.com/file/d/14MtPaDtDveuszSly7pbsYqu0zhuOjiAm/view?usp=drive_link 3) Hebahan poster mengenai gangguan seksual. https://drive.google.com/file/d/1P1bfgZI51T8X_7zjVz4Zj98cMsKolLgk/view?usp=drive_link 4) Perpindahan felo	Telah dilaksanakan
		• pernyataan risiko yang bertindih atas sebab-sebab pengkategorian risiko (Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset).	Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset	Pihak Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA) akan membawa Daftar risiko yang telah ditambah baik ke Mesyuarat Pengurusan PPPA untuk pengesahan terlebih dahulu sebelum dimuat naik ke dalam Sistem Pengurusan Risiko ISO	3 Julai 2025	Daftar risiko dan peluang sedia ada yang telah ditambah baik dan disahkan. https://docs.google.com/spreadsheets/d/1wLT7lGRY5STSfBGNqb3XCahulixsUkN6ABt_GSxJNr8/edit?gid=9986125734&hl=en&usp=sharing	Telah dilaksanakan

OFI-16	9.1.3	PENILAIAN PRESTASI / ANALISIS DAN PENILAIAN Penilaian prestasi masa kini didapati lebih bertumpu kepada analisa tahun semasa. Proses ini boleh ditambah baik dengan memperluaskan analisa dengan pendekatan 'Trend Analysis' untuk memantapkan aktiviti pemantauan serta sebagai input kepada perancangan organisasi. Lokasi penemuan :	Kolej Kediaman Sultan Alaeddin Sulaiman Shah	Perbandingan analisa Laporan Aduan Kerosakan setiap tiga tahun akan dikemaskini dan ditambah baik dengan menyediakan graf line chart.	15 Nov 2024	https://docs.google.com/spreadsheets/d/1jvxBP9MS1SpaXrYVANA7A4iBdSAVtxj/edit?usp=drive_link&ouid=111540715790475040508&rtpof=true&sd=true	Telah dilaksanakan
OFI-17	9.1.2	PENILAIAN PRESTASI / KEPUASAN PELANGGAN Proses mengenalpasti serta analisis tahap kepuasan pelanggan ada di jalankan. Namun demikian, proses ini boleh ditambah baik dengan mengenalpasti pendekatan-pendekatan yang lebih efektif untuk meningkatkan kadar respon buat analisis yang lebih 'representative'. Lokasi penemuan : Kolej Kediaman Sultan Alaeddin Sulaiman Shah	Kolej Kediaman Sultan Alaeddin Sulaiman Shah	Mesyuarat Pentadbiran KOSASS pada 18 November 2024 telah bersetuju dengan ketetapan bahawa semua pelajar akan diwajibkan untuk melengkapkan Kajian Kepuasan Pelanggan semasa proses pemulangan kunci di pejabat sebelum cuti semester bermula dan semasa pengambilan kunci sebelum semester baharu bermula. Kod QR Kajian Kepuasan Pelanggan telah diletakkan di kaunter pejabat bagi pengisian KKP kepada semua pelanggan yang berurusan di kaunter.	Februari 2025	1. Telah diminitkan dalam mesyuarat Pentadbiran KOSASS Bil.3/2024 pada 21 November 2024 https://docs.google.com/document/d/16X8p4wackpTpCrPmcf69ZkIOWmG3LkHqn5cPpUEafOo/edit?tab=t.0 2. KOD QR Kajian Kepuasan Pelanggan telah di pameran di kaunter semasa proses pemulangan kunci bilik pelajar. https://docs.google.com/document/d/123c-9t8fotjH1aMHjyLwL0zOCOil4rVuI5-	Telah dilaksanakan

OFI-18	7.5	SOKONGAN / MAKLUMAT DIDOKUMENTASIKAN Aktiviti-aktiviti di Pusat Pengimejan Diagnostik Nuklear adalah merujuk kepada garis panduan-garis panduan yang telah dibangunkan pusat. Garis panduan-garis panduan ini boleh di perkemaskini dan dibangunkan sebagai maklumat didokumentasikan pusat.	Pusat Pengimejan Diagnostik Nuklear	Dokumen Garis Panduan Perkhidmatan Klinikal PPDN telah dikemaskini untuk penambahbaikan. Dokumen-dokumen telah diperakukan di peringkat PTJ pada tarikh 8 Jan 2025.	November 2024 - Januari 2025	1. Dokumen asal (https://drive.google.com/file/d/19ZeTzfYylc3NOGLpFZCtWLISDF2k4O83/view?usp=drive_link) 2. Dokumen yang telah dikemaskini https://drive.google.com/drive/folders/1TjCOwB194Cday4EBxP-	Telah dilaksanakan
OFI-19	8.5.1 (PPA)	Kawalan penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan Garis Panduan Permohonan Data menyatakan bahawa permohonan akan diproses dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dan kaedah untuk memantau pelaksanaan garis panduan ini telah tersedia. Namun, kaedah pemantauan garis panduan ini boleh ditambahbaik seperti berikut: 1. Justifikasi penolakan perlu dinyatakan di dalam panduan. 2. Sebarang permohonan maklumat tambahan yang dilakukan setelah permohonan rasmi diterima perlu dirasmikan dan permohonan secara lisan perlu dielakkan. 3. Membangun mekanisma yang memudahkan pemantauan tarikh surat, tarikh penerimaan surat, tempoh permohonan diproses dan tarikh maklum balas permohonan tersebut.	Pusat Perhubungan Alumni	Garis Panduan Permohonan Data di Pusat Perhubungan Alumni akan menggunakan Garis Panduan Pengurusan Data Strategik dan Garis Panduan Permohonan Maklumat Rasmi UPM yang disediakan oleh Seksyen Data Korporat, Pusat Strategik dan Perhubungan Korporat sebagai satu langkah kebersamaan dalam menyalurkan perkhidmatan di universiti. 1. Justifikasi penolakan akan diberikan kepada permohonan yang dipanjangkan oleh Seksyen Data Korporat kepada Pusat Perhubungan Alumni UPM. 2. Permohonan tambahan yang dilakukan setelah permohonan rasmi diterima akan diberi ingatan secara rasmi agar permohonan tambahan tersebut dirasmikan. 3. Mekanisma pemantauan tarikh surat, tarikh penerimaan surat, tempoh permohonan diproses dan	Januari 2025	1. Penolakan dibuat secara terus kepada permohonan yang tidak melalui Seksyen Data Korporat, PSPK. Permohonan tersebut dikira sebagai permohonan yang tidak lengkap. 2. Tiada permohonan tambahan diterima pada Januari hingga Jun 2025. 3. <i>Log book</i> rekod permohonan telah diwujudkan	Telah dilaksanakan

OFI-20	8.5.1 (BURSAR)	Kawalan penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan Secara umumnya hanya terdapat dua (2) kategori pendaftaran vendor di dalam system My Vendor iaitu aktif (active) dan tidak aktif (inactive). Permohonan pendaftaran vendor yang tidak lengkap/vendor yang belum melakukan pengesahan selepas semakan dokumen oleh Bursar akan dikategorikan sebagai tidak aktif. Sehubungan dengan itu, pendaftaran vendor yang tidak lengkap ini dicadang untuk dikategorikan semula sebagai "incomplete"/atau kategori yang sesuai supaya tidak termasuk dalam kategori "tidak aktif". Oleh kerana sistem My Vendor dalam perubahan proses kepada MyPutra, cadangan boleh di implementasikan.	Pejabat Bursar	Semasa audit dijalankan pada bulan Oktober 2024, juruaudit mendapati senarai vendor "Aktif" dan "Tidak Aktif" keseluruhan yang dikeluarkan pada tarikh audit tidak memaparkan vendor yang berstatus "Permohonan Tidak Lengkap". Ini memberi pandangan , kepada juruaudit, bahawa senarai vendor yang berstatus tidak lengkap adalah termasuk dalam senarai vendor "Tidak Aktif" sedangkan status "Permohonan Tidak Lengkap" ada di dalam sistem hanya tidak dibuat sebagai pilihan dalam folder "Laporan". Sebagai tindakan pembetulan, Bahagian Perolehan telah membuat satu aduan SPICT 202507-1192 memohon pihak IDEC untuk mewujudkan "Laporan Status Permohonan" pada "Folder Laporan" dalam sistem MyVendor dengan status syarikat seperti berikut iaitu: (A) Aktif, (B) Tidak Aktif, (C) Dalam Proses Semakan, (D) Permohonan Tidak Lengkap dan (E) Permohonan Tidak Diluluskan. Perbincangan telah	Januari 2025	Permohonan penambahbaikan sistem melalui SPICT	Telah dilaksanakan
--------	-------------------	--	----------------	---	--------------	--	--------------------